

# IPT perlu gembeng usaha tangani kekeliruan isu vaksin

Oleh Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman - Mei 11, 2021 @ 11:45am  
bhrencana@bh.com.my



Ketua pasukan skuad bola sepak kebangsaan, Aidil Zafuan Abdul Razak (tengah) bersama Nazmi Faiz Mansor (kiri) dan Danial Amier Norhisham (kanan) bergambar bersama plakad selepas selesai menerima dos kedua suntikan vaksin COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin di Presint 15, Putrajaya semalam. - Foto BERNAMA

APABILA menyebut mengenai vaksin COVID-19, ramai tertanya-tanya bilakah giliran kita pula untuk divaksinkan? Tak kurang juga masih berkira-kira mengambil vaksin atau sebaliknya.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) diberi peluang menjadi satu daripada pusat pemberian vaksin khusus untuk jenis AstraZeneca yang menyaksikan 31,000 bakal menerima suntikan dos pertama mereka bermula 5 Mei hingga 6 Jun ini.

Ramai tidak sedar peranan universiti bukan sekadar melahirkan ribuan graduan. Selain menyediakan peluang pendidikan berkualiti, aktiviti kemasyarakatan sering dititikberatkan.

Justeru, apabila negara dilanda pandemik, institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara memainkan peranan masing-masing dalam menyahut cabaran ini.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) contohnya, melalui Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) mengendalikan kes pesakit dan ujian saringan COVID-19 sejak 2020 lagi. Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI) pula menubuhkan Makmal Diagnostik COVID-19 yang mula beroperasi 4 April 2020 melalui kerjasama strategik dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Sejurus negara melangkah fasa vaksinasi, UKM bersama lain, bersedia dengan fasiliti dan kepakaran serba lengkap dalam memenuhi agenda vaksinasi negara menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Jika proses pemberian vaksin di negara luar mengambil masa lebih enam jam, penerima vaksin di UKM hanya perlu melalui beberapa proses ringkas yang mengambil masa kurang 15 minit.

Dengan fasiliti moden, barisan doktor pakar yang sentiasa bersedia serta persekitaran kondusif, UKM menjadi antara pusat pemberian vaksin paling efisien dan tangkas. Tidak ada diskriminasi dalam proses pemberian vaksin kami jalankan. Semuanya disantuni sama rata serta melalui prosedur sama.

Justeru, orang ramai diseru berfikir lebih positif mempertimbang pengambilan vaksinasi COVID-19, demi kesejahteraan diri dan keluarga.

Beralih aspek penerapan ilmu dan nilai dalam kalangan masyarakat, UKM melalui pelbagai platform, membahas isu keperluan vaksin dalam usaha menyampaikan maklumat tepat yang sering kali menyanggahi persepsi masyarakat.

Institusi ini contohnya menganjurkan pelbagai program penerangan kepada masyarakat mengenai keselamatan vaksin COVID-19, selain menganjurkan siri wacana secara berkala, bagi membicarakan isu vaksinasi serta kesannya.

Perkongsian kesarjanaan dari dalam dan luar negara juga dialu-alukan bagi memperhalusi isu vaksinasi yang menjadi perhatian umum saat ini. Ini antara usaha digerakkan untuk membentuk persepsi positif, membina makrifat serta keyakinan masyarakat untuk menerima inisiatif negara dengan lebih terbuka.

Tidak hanya berperanan menyebarkan ilmu, masyarakat turut didekati melalui pelbagai pendekatan dan mekanisme. Terbaru, RM80,000 disalurkan melalui Skwad Misi Bantuan Kasih bagi membantu golongan terkesan akibat COVID-19.

Dalam memperkasakan identiti UKM sebagai sebuah universiti penyelidikan, pelbagai inisiatif dan skim galakan ditawarkan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian mengenai pelbagai isu berkaitan vaksinasi COVID-19.

Ia penting kerana keserjanaan penyelidik UKM bukan hanya diiktiraf pada peringkat kebangsaan, malah antarabangsa. Ada antara pakar penyelidik kita dilantik MOSTI sebagai ahli kumpulan Pakar Pembangunan Teknologi Bagi Vaksin negara dan ada juga sering kali dijemput membahaskan mengenai vaksinasi dari sudut agama, sains, psikologi masyarakat dan sebagainya.

Kini, ahli akademik universiti giat menjalankan kajian berkaitan vaksin COVID-19 dalam usaha memberi pendedahan kepada masyarakat serta menangani kekeliruan terhadap kesan vaksinasi. Ini antara peranan UKM sebagai sebuah universiti harapan masyarakat yang tidak akan pernah berhenti dalam berkongsi ilmu serta kepakaran, seiring perkembangan global dan isu semasa.

Diharapkan sumbangan kecil IPT dapat membantu pembentukan imuniti kelompok bagi rakyat Malaysia dalam usaha kerajaan mengekang penyebaran virus COVID-19.

Perkongsian kepakaran, fasiliti, maklumat serta penyelidikan berterusan antara usaha advokasi IPT dalam meningkatkan literasi kesihatan serta membina kesedaran masyarakat terhadap kepentingan vaksinasi.

**Penulis adalah Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**